BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No. Ruj: 02/20/03

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1200 hari Rabu, 12 Februari 2020

PERKEMBANGAN EKONOMI DAN KEWANGAN DI MALAYSIA PADA SUKU KEEMPAT 2019

Ekonomi Malaysia meningkat 3.6% pada suku keempat 2019

Ekonomi Malaysia telah dipacu oleh perbelanjaan sektor swasta yang lebih tinggi (7.4%; S3 2019: 5.4%) pada suku keempat 2019. Penggunaan swasta meningkat dengan kukuh sebanyak 8.1% (S3 2019: 7.0%), manakala pelaburan swasta mencatatkan pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 4.2% (S3 2019: 0.3%). Walau bagaimanapun, pertumbuhan telah menerima kesan daripada gangguan bekalan dalam sektor komoditi. Berikutan itu, ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 3.6% pada suku keempat 2019. Berdasarkan pelarasan bermusim suku tahunan, ekonomi meningkat sebanyak 0.6% (S3 2019: 0.9%). Bagi keseluruhan tahun 2019, ekonomi negara berkembang sebanyak 4.3% (2018: 4.7%).

Pada suku keempat, purata inflasi keseluruhan adalah lebih rendah, mencerminkan terutamanya luputnya kesan daripada pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (*Sales and Services Tax,* SST). Inflasi teras, yang tidak mengambil kira kesan perubahan dasar cukai penggunaan, stabil pada kadar 1.4%.

Perkembangan kadar pertukaran

Ringgit menambah nilai sebanyak 2.3% berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) pada suku keempat, disokong terutamanya oleh aliran masuk semula portfolio bukan pemastautin. Hal ini disebabkan oleh sentimen

pelabur yang bertambah baik berikutan perkembangan yang positif dalam rundingan perdagangan global. Langkah yang diambil oleh beberapa buah bank pusat utama dengan mengurangkan kadar dasar secara serentak turut meningkatkan kesanggupan pelabur global untuk mengambil risiko pada suku tersebut. Hasilnya, ringgit menambah nilai sebanyak 1.1% berbanding dengan dolar AS bagi keseluruhan tahun 2019. Perkembangan ini sejajar dengan trend mata wang serantau. Prestasi ringgit pada tahun 2020 akan terus dipengaruhi oleh perkembangan di luar negeri. Meskipun perjanjian perdagangan Fasa Satu antara AS dengan Republik Rakyat China (RR China) telah menyumbang kepada prospek perdagangan global yang bertambah baik, namun sentimen pelabur juga terjejas oleh kebimbangan terhadap penularan wabak koronavirus baru-baru ini. Berikutan itu, ringgit menyusut nilai sebanyak 1.3% berbanding dengan dolar AS pada tahun ini sehingga 10 Februari dalam keadaan sentimen pasaran kewangan global yang bertambah lemah.

Keadaan pembiayaan

Pembiayaan bersih berkembang sebanyak 4.7% pada asas tahunan disokong oleh pertumbuhan pinjaman terkumpul yang berterusan. Pertumbuhan pinjaman perniagaan terkumpul bertambah baik manakala pinjaman isi rumah terkumpul meningkat pada kadar yang stabil. Permintaan untuk pinjaman perniagaan dan pinjaman isi rumah mengekalkan momentumnya yang bertambah baik sejak suku kedua. Walau bagaimanapun, pertumbuhan bon korporat terkumpul menjadi sederhana sedikit berikutan penebusan yang lebih tinggi.

Ekonomi Malaysia dijangka terus disokong oleh aktiviti sektor swasta pada tahun 2020

Menjelang tahun 2020, khususnya pada separuh tahun pertama, pertumbuhan dijangka terjejas akibat penularan wabak koronavirus. Walau bagaimanapun, impak keseluruhan daripada wabak tersebut ke atas ekonomi Malaysia bergantung pada tempoh masa dan penyebaran wabak tersebut serta langkah tindak balas dasar yang diambil oleh pihak berkuasa.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Bagi keseluruhan tahun 2020, pertumbuhan akan disokong oleh perbelanjaan isi rumah dan pelaksanaan projek pelaburan swasta yang diluluskan baru-baru ini serta perbelanjaan modal sektor awam yang lebih tinggi. Namun demikian, masih terdapat risiko yang boleh mengakibatkan pertumbuhan menjadi lebih perlahan. Risiko-risiko ini termasuklah ketidakpastian mengenai keadaan luaran akibat wabak koronavirus yang sedang menular, pelbagai rundingan perdagangan dan risiko geopolitik, dan juga faktor-faktor dalam negeri, termasuk kelemahan sektor komoditi dan kelewatan pelaksanaan projek. Maka, volatiliti dalam aliran masuk dan keluar modal serta kadar pertukaran dijangka berlaku.

Purata inflasi keseluruhan bagi tahun 2020 diunjurkan lebih tinggi berbanding dengan tahun 2019 tetapi kekal pada tahap yang sederhana. Trajektori inflasi keseluruhan akan bergantung pada perkembangan harga minyak dan harga komoditi sedunia serta masa pemansuhan harga siling bagi harga runcit bahan api domestik. Inflasi asas pada amnya dijangka stabil, mencerminkan kegiatan ekonomi yang terus berkembang dan ketiadaan tekanan permintaan yang besar.

Bank Negara Malaysia
12 Februari 2020

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Table 1

GDP by Expenditure Components (at constant 2015 prices)

	Share 2019 (%)	2018		2019		
		4Q	Year	3Q	4Q	Year
		Annual growth (%)				
Aggregate Domestic Demand (excluding stocks)	94.1	5.7	5.5	3.5	4.9	4.3
Private sector	75.6	7.8	7.1	5.4	7.4	6.2
Consumption	*58.8*	*8.4*	*8.0*	*7.0*	*8.1*	*7.6*
Investment	*16.8*	*5.8*	*4.3*	*0.3*	*4.2*	*1.5*
Public sector	18.5	0.0	0.1	-4.6	-2.2	-2.7
Consumption	*12.2*	*4.0*	*3.3*	*1.0*	*1.3*	*2.0*
Investment	*6.3*	*-5.9*	*-5.0*	*-14.1*	*-7.7*	*-10.8*
Net Exports	7.3	15.5	11.4	15.9	-9.8	8.9
Exports of Goods and Services	*64.0*	*3.1*	*2.2*	*-1.4*	*-3.1*	*-1.1*
Imports of Goods and Services	*56.7*	*1.8*	*1.3*	*-3.3*	*-2.3*	*-2.3*
GDP	**100.0**	**4.7**	**4.7**	**4.4**	**3.6**	**4.3**
GDP (q-o-q growth, seasonally adjusted)	**-**	**1.3**	**-**	**0.9**	**0.6**	**-**

Source: Department of Statistics, Malaysia

Table 2

GDP by Economic Activity (at constant 2015 prices)

	Share 2019 (%)	2018		2019			
		3Q	4Q	1Q	2Q	3Q	4Q
		Annual growth (%)					
Services	57.7	7.3	6.9	6.4	6.1	5.9	6.1
Manufacturing	22.3	5.0	4.7	4.2	4.3	3.6	3.0
Mining	7.1	-5.7	-0.7	-2.1	2.9	-4.3	-2.5
Agriculture	7.1	-0.8	-0.1	5.6	4.2	3.7	-5.7
Construction	4.7	4.7	2.6	0.3	0.5	-1.5	1.0
Real GDP	**100.0[1]**	**4.4**	**4.7**	**4.5**	**4.9**	**4.4**	**3.6**

[1] Numbers do not add up due to rounding and exclusion of import duties component

Source: Department of Statistics, Malaysia